

Jakmas UMS anjur Program Kesihatan dan Penjagaan Keselamatan

UB 5.6.2017 A7

KOTA KINABALU: Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTU) Universiti Malaysia Sabah (UMS) di bawah Exco Keselamatan dan Penguatkuasaan telah menganjurkan Program Kesihatan dan Penjagaan Keselamatan.

Program itu telah berlangsung selama dua hari bertempat di dewan Kolej Kediaman Tun Mustapha.

Ia mempunyai tiga aktiviti yang menarik iaitu, ceramah bertajuk 'Protect Yourself' dan demonstrasi Taekwondo oleh Raymond Toh Meng Hui. Aktiviti kedua ialah ceramah 'Health and Body Care' dan demonstrasi 'gym fitness' oleh Simbun Daud manakala, aktiviti ketiga pula merupakan pertandingan Abang Sado.

Program itu merupakan julung kali diadakan di Kolej Kediaman berkenaan dan telah dihadiri hampir 700 pelajar.

Punitha Muniandy selaku


pengarah program berkata tujuan utama program adalah untuk meningkatkan pengetahuan berkaitan kesihatan dan keselamatan kepada mahasiswa kolej itu.

Kemuncak program adalah pertandingan Abang Sado yang berjaya mencuri tumpuan penghuni kolej. Pertandingan Abang Sado adalah idea Pengetua Kolej Kol (PA) Dr Mohamad Nizam Nazarudin.

"Sebagai satu kolej yang dihuni oleh kesemua unit badan beruniform UMS, timbul idea agar pelajar lelaki bukan sahaja hebat dalam akademik tetapi juga mempunyai tahap kecergasan yang tinggi dan tubuh badan yang sasa," katanya.

Beliau juga berharap para pelajar menggunakan gimnasium mini yang baharu siap dengan semaksimum dan berharap pada masa akan datang akan lahir lebih ramai Abang Sado.

Johan dalam pertandingan itu ialah Muhammad Shafiq Abdul Ghani wakil Sisa



RAYMOND menerima cendera kenangan daripada penganjur.

manakala tempat kedua disandang oleh Muhammad Nazirul Abdul Jalil wakil Palapes Laut dan tempat ketiga Nik Muhammad Arham Rofi wakil Palapes Udara.

Muhammad Shafiq yang sememangnya berminat

dengansukan bina badan telah memberikan persembahan yang cemerlang pada malam itu.

Hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh Timbalan Pengetua Kolej Kediaman Herman Salah.



PARA penceramah dan para peserta bergambar kenangan selepas program itu.